

# APA HABAQ HANGPA?




جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh  
Pulau Pinang

# JUAL MINYAK MASAK TERPAKAI JANA PENDAPATAN TAMBAHAN

oleh Nurhidayati Mat Daud & Nuraini Tutur

Melihat kerjasama yang memberansangkan yang diberikan oleh warga UiTM Cawangan Pulau Pinang terhadap program khidmat masyarakat yang telah diadakan pada 25 Ogos 2022 di UiTM Cawangan Pulau Pinang, program seumpamanya diteruskan.





Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dan Amalan 8R Siri 2 telah diadakan di Dewan Orang Ramai, Taman Seri Akasia, Bukit Mertajam pada 30 Oktober 2022. Seramai 35 orang staf Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA), Kolej Pengajian Kejuruteraan,

UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menyertai program yang telah mendapat kerjasama daripada Majlis Bandaraya Seberang Prai (MBSP) dan syarikat berlesen yang menjalankan perniagaan kitar semula minyak masak terpakai; Arus Oil. Program serampang dua mata ini bertujuan untuk memupuk budaya kitar semula minyak masak dan amalan 8R di kalangan penduduk Taman Seri Akasia. Selain itu, penduduk juga berpeluang menjual minyak masak terpakai

pada harga yang lumayan iaitu RM2.50 per kilogram. Program bermula pada jam 9.30 pagi, dimana sebahagian peserta program ini yang terdiri daripada staf PKA menjalankan lawatan dari rumah ke rumah bagi mengedarkan risalah dan menjalankan kempen kitar semula minyak masak terpakai & amalan 8R. Penduduk diberi penerangan tentang kesan – kesan buruk pembuangan minyak masak terpakai ke dalam saluran paip. Ia bukan sahaja menjelaskan kefungsian saluran paip malahan mencemarkaan alam sekitar dan sumber air bersih seperti sungai. Bermula jam 10 pagi, penduduk mula membawa minyak masak terpakai untuk dijual kepada wakil syarikat Arus Oil. Proses jualan berjalan lancar dimana iaanya menggunakan aplikasi Arus Oil yang dimuat turun oleh

penduduk. Peserta kempen membantu penduduk mengisi maklumat yang diperlukan bagi memudahkan urusan bayaran oleh Arus Oil kelak. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dimana sebanyak 444.7 kg minyak masak terpakai berjaya dikumpul pada hari tersebut.

Penduduk yang hadir turut mendapat tong percuma untuk mengisi minyak masak terpakai. Pemberian tong tersebut adalah sebagai penggalak kepada penduduk untuk meyimpan minyak masak terpakai dan dijual di masa akan datang.

Program tersebut turut mendapat perhatian ADUN Penanti iaitu Yang Berhormat Dr Hajah Norlela binti Ariffin yang sempat meluangkan masa melawat program tersebut.